# TERMA RUJUKAN PROGRAM KHAS – GERAN PENYELIDIKAN FAKULTI (FACULTY RESEARCH GRANT)

<table>
<tr><td>PENGENALAN</td><td colspan="2">Program/Projek Penyelidikan Fakulti diperkenalkan bertujuan untuk membantu pihak Pusat Tanggungjawab (PTj) Akademik menentukan program penyelidikan di PTj masing-masing selaras dengan hala tuju agenda penyelidikan Universiti Malaya.</td></tr>
<tr><td>SYARAT & PERATURAN PERMOHONAN</td><td colspan="2">Setiap pemohon perlu mematuhi syarat-syarat berikut:<br>1. Permohonan terbuka kepada semua kakitangan akademik di setiap PTj masing-masing.<br>2. Semua permohonan perlu memenuhi garis panduan yang ditetapkan dan dinilai di peringkat PTj.<br>3. Maklumat projek dan masterlist lengkap bagi permohonan yang berjaya perlu dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan (PPGP) untuk pembukaan akaun dan pemantauan output PTj secara keseluruhan.<br>4. Setiap pemohon perlu menamakan sekurang-kurangnya seorang Penyelidik Bersama bertaraf TETAP dari Universiti Malaya.<br>dcsdscds</td></tr>
<tr><td>TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN</td><td colspan="2">Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah selama 24 bulan sahaja TANPA PELANJUTAN.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">DANA PERUNTUKAN</td><td>Penyelidikan Bidang Sains & Teknologi</td><td>RM 60,000.00 (maksima)</td></tr>
<tr><td>Penyelidikan bukan Bidang Sains & Teknologi</td><td>RM 10,000.00 (maksima)</td></tr>
<tr><td rowspan="2">PERATURAN KEWANGAN<br>Semua urusan kewangan adalah tertakluk kepada prosedur dan Polisi Kewangan yang digunapakai oleh Bendahari, Universiti Malaya.<br>Peruntukan yang dipohon bagi setiap</td><td>Vot 11000<br>Upah & Elaun untuk Penolong Penyelidik (RA) / Penolong Penyelidik Siswazah Siswazah (GRA) sahaja</td><td>Upah dan elaun untuk membiayai RA/GRA dengan siling upah yang dibenarkan mengikut Garis Panduan Pelantikan Penolong Penyelidik Universiti Malaya.<br><br>Jumlah GRA bukan warganegara adalah terhad kepada 50% sahaja daripada jumlah keseluruhan RA/GRA setiap PTj di bawah geran ini. PTj perlu memastikan bilangan GRA tidak melebihi jumlah yang dibenarkan.</td></tr>
<tr><td>Vot 21000</td><td>Perbelanjaan perjalanan untuk menjalankan kerja lapangan dalam negara sahaja dan menghadiri</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| vot hendaklah disenaraikan secara terperinci/lengkap dan dilampirkan sebutharga. | Perjalanan dan Pengangkutan (40% maksima.) | persidangan untuk pembentangan berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.<br><br>**Persidangan (oral) hanya dibenarkan satu (1) kali sahaja sepanjang tempoh projek** dengan jumlah pembiayaan maksimum **RM 10,000 sahaja**. Syarat permohonan untuk persidangan adalah tertakluk kepada syarat di IPPP. |
| | **Vot 24000**<br>Sewaan | Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan |
| | **Vot 27000**<br>Bekalan dan Bahan Penyelidikan | Perbelanjaan bagi pembelian bekalan/bahan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja. |
| | **Vot 28000**<br>Baik pulih kecil dan Ubahsuai | Perbelanjaan bagi penyenggaraan peralatan sedia ada untuk memulakan projek penyelidikan. |
| | **Vot 29000**<br>Perkhidmatan Ikhtisas | Vot ini hanya meliputi lain-lain perkhidmatan seperti *sample characterization*, *advance data analysis* dan pembayaran honorarium kepada pembantu bagi kerja-kerja jangka pendek di makmal / kerja lapangan. |
| **LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN** | **Laporan Kemajuan & Laporan Akhir** | 1. **Laporan Kemajuan**<br>Laporan Kemajuan fizikal dan perbelanjaan program/projek perlu dikemukakan ke Timbalan Dekan (Penyelidikan) / Timbalan Pengarah (Penyelidikan) setiap 6 bulan.<br>2. **Laporan Akhir**<br>Laporan Akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat projek. |

<table>
<tr><td></td><td>Laporan Pencapaian Keseluruhan Program Bridging Grand Challenge</td><td>Setiap PTj mesti mengemukakan Laporan Pencapaian keseluruhan program (Kemajuan program, pencapaian semasa dan perbelanjaan) setiap 6 bulan kepada Pengarah, Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan di alamat:<br>Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan<br>Aras 4, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi<br>Universiti Malaya</td></tr>
<tr><td>PELANJUTAN TEMPOH PROJEK</td><td colspan="2">Tiada pelanjutan dibenarkan di bawah program ini.<br>Semua urusan tunbtutan dan bayaran perlu diselesaikan dalam masa 3 bulan selepas tarikh tamat.</td></tr>
<tr><td>HASIL PENYELIDIKAN</td><td colspan="2">Ketua Penyelidik perlu menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dalam Jurnal Berindeks (WOS atauScopus seperti yang telah ditetapkan oleh PTj masing-masing). Penghargaan kepada Geran Penyelidikan Fakulti (GPFXXX-2018) mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.<br><br>Kegagalan Ketua Penyelidik untuk mengemukakan bukti penerbitan yang terhasil daripada peruntukan ini akan menjejaskan permohonan peruntukan penyelidikan kepada PTj pada masa akan datang.<br><br>Bukti penerbitan perlu dikemukakan ke PPGP setelah ia diterbitkan (tidak semestinya dalam tempoh geran aktif).</td></tr>
<tr><td>IMPAK PENYELIDIKAN</td><td colspan="2">Setiap projek penyelidikan yang dicadangkan hendaklah mempunyai impak kepada industri dan/atau masyarakat. Ketua Penyelidik perlu menyatakan impak yang dijangka daripada penyelidikan masing-masing (tidak melebihi 5 ayat).</td></tr>
</table>

Dikemaskini pada: 9 Julai 2018